

Perutusan TAHUN BAHARU 2022

"... marilah kita berganding bahu dengan mendakap erat prinsip berkerja bersama-sama menggalas tanggungjawab sebaiknya supaya kita, keluarga, penduduk dan wilayah sentiasa terpelihara seterusnya menjadikan KETENGAH agensi peneraju yang dinamik..."

PENGURUS BESAR KETENGAH

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana kita diberi kesempatan untuk sama-sama melangkah ke Tahun Baharu 2022. Tahun 2021 berlalu begitu pantas dan kini kita telah melangkah ke tahun seterusnya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu kepada warga KETENGAH. Seiring dengan pertambahan usia kita bersekali dengan amanah yang akan terus dipikul untuk kita menjalankan segala tugas sebagai penjawat awam. Sambutan tahun baharu diiringi dengan rasa muhasabah untuk menilai kembali pencapaian dan ujian yang telah kita tempuhi sepanjang tahun 2021. Semoga tahun 2022 ini akan memberi semangat dan lebih berdedikasi dalam meningkatkan pencapaian KETENGAH.

Warga KETENGAH yang saya kasihi,

Syukur alhamdulillah KETENGAH telah berjaya melalui tahun 2021 dengan pelbagai cabaran dan getir terutama pandemik *Coronavirus Disease* (COVID-19) yang mula dilaporkan di Malaysia sejak Januari 2020. Kerajaan membuat pertimbangan yang sukar menghadapi cabaran kesihatan awam dan ekonomi serta dalam masa yang sama terus mengawal pendidikan dan sosial negara. Kita sebagai sebuah Keluarga Malaysia telah bangkit bersama-sama menentang penularan wabak ini dengan semangat kesepaduan. Kita telah hampir berjaya dalam perjuangan memerangi pandemik ini. Berkat usaha bersama, kita telah berjaya melandaikan lengkung penularan yangkitan di peringkat awal dahulu. Insafilah dan hayatilah hakikat ini dan teruslah menyemai semangat ini di antara kita.

Saya merayu warga KETENGAH untuk terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure_SOP*) yang telah ditetapkan di samping mengamalkan budaya norma baharu sepanjang berada di tempat kerja sama ada di pejabat atau di lapangan dan bekerja secara fizikal mahupun maya. Pandemik ini telah meninggalkan kesan kepada kita dan ada yang kehilangan ahli keluarga terdekat dan sahabat kerana COVID-19. Marilah kita bersama-sama menyedekahkan Al-Fatihah dan bertafakur seketika demi memperingati mereka yang awal meninggalkan kita. AL-FATIAH.

Tahun 2021 telah berlalu dan merupakan tahun yang mencabar dengan meninggalkan banyak kenangan pahit manis serta pengajaran kepada kita. Kita diuji dengan ketidakstabilan ekonomi yang telah mengubah pola kehidupan kita. Walaupun kita lalui dengan penuh rintangan, masih banyak nikmat yang kita perlu syukuri. Kita harus yakin sebagaimana dalam Surah Al-Insyirah, ayat 5, "Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan". Terdapat kejayaan-kejayaan yang telah kita kecapai bersama sebagai hasil kerja kita sepanjang tahun lalu. Antaranya Santuari Kelah, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu telah menerima anugerah emas dalam Program Biak Ikan yang diiktiraf bagi kategori Inisiatif Ekopelancongan Terbaik oleh Majlis Pelancongan Malaysia (MTC) 2021, tempat kedua dalam Anugerah Pengurusan Kewangan sempena Hari Inovasi 2021 Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan pencapaian KETENGAH mencatat perbelanjaan sebanyak 98.78%. Alhamdulillah dan tahniah.

Pada penghujung tahun 2021 baru-baru ini, kita sentiasa bersiapsiaga untuk berhadapan dengan sebarang bencana terutama banjir pada musim tengkujuh. Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan bantuan yang dapat memperkasa kesejahteraan sosial Keluarga Malaysia. KPLB sendiri memperuntukkan sejumlah RM4 juta untuk bantuan segera berupa bakul makanan kepada mangsa banjir. KETENGAH turut menyalurkan RM1,030,000.00 bagi bantuan pasca banjir dan COVID-19 yang melibatkan komponen kit bantuan bencana, pembaikan rumah, bantuan input pertanian dan bantuan kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).

Yang baik perlu kita jadikan teladan manakala yang buruk jadikan sempadan dan peringatan pada masa hadapan. Justeru, kita perlu muhasabah diri dengan menilai kekuatan dan kelemahan diri. Ini penting sebagai satu usaha untuk memperbaiki diri daripada kelemahan dan kesilapan yang boleh membawa kesan tidak baik ke atas apa jua yang kita lakukan. Mengambil iktibar senario sepanjang tahun lalu, saya ingin mengajak warga untuk sama-sama melangkah ke tahun baharu 2022 dengan semangat yang baharu dan memperteguh azam bagi mensejahterakan wilayah kita ini. InsyaAllah, berbekalkan pengalaman kerja dan usia KETENGAH yang akan genap mencecah 49 tahun pada 12 April 2022 ini, kita mampu mentadbir wilayah dengan baik seiring dengan usia agensi.

Satu perkara yang perlu disedari era 2022 ini adalah cabaran untuk memulih dan menjana semula ekonomi dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 yang mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan seluruh dunia umumnya. Kemunculan isu COVID-19 ini sebenarnya menjadi satu peringatan dan titik tolak kepada kita untuk mementingkan amalan gaya hidup sihat, mengamalkan kebersihan dan seterusnya mengekalkan amalan ini sebagai norma baharu dalam kehidupan seharian.

Saya sedar penduduk luar bandar terutamanya, meletakkan harapan yang tinggi terhadap kita untuk memperbaiki dan menikmati taraf hidup yang lebih baik seiring dengan arus pembangunan. Kita juga perlu lebih serius dan memberi tumpuan yang mendalam terhadap pembangunan yang dijalankan agar kepesatan pembangunan di Wilayah KETENGAH dapat dizahirkan dengan lebih jelas demi manfaat dan kesejahteraan penduduk di luar bandar. Ini termasuklah pembinaan pelbagai infrastruktur fizikal dan digital sebagaimana tumpuan utama dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sebagai strategi komprehensif bagi pemulihan semula ekonomi rakyat untuk mencapai objektif Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan.

Bagi tahun 2022 ini, KETENGAH telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah sebanyak RM39.885 juta untuk membiayai 23 projek yang merangkumi 7 projek baru dan 16 projek sambungan. Jumlah ini bertambah sebanyak 4.1% iaitu RM1,629,500.00 berbanding tahun 2021 yang mana KETENGAH telah diluluskan peruntukan berjumlah RM38,255,500.00. Peruntukan yang telah diberikan kepada KETENGAH ini merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar kepada kita dengan memastikan peruntukan ini dapat dibelanjakan secara berhemah dalam menjamin kemajuan wilayah dari semasa ke semasa.

Dalam kita melangkah ke gerbang tahun 2022, saya berharap KETENGAH dapat mencapai kecemerlangan dalam semua bidang sama ada dari segi pembangunan, ekonomi mahupun pelancongan. Tidak salah bagi kita untuk mengejar kejayaan dan anugerah-anugerah, kerana setiap pengiktirafan akan menjadi tanda aras yang dapat menentukan kedudukan sebenar kita. Kejayaan juga akan menjadi pendorong bagi kita untuk terus meningkatkan pencapaian. Namun, kita tidak boleh merasa selesa dengan apa yang telah kita capai. Kita harus bangkit ke hadapan untuk mengukir kejayaan yang lebih tinggi.

Penting kita menunjukkan bahawa KETENGAH terus relevan dalam senario pembangunan negara pada hari ini. Untuk itu warga mesti melaksanakan tugas dengan sebaiknya dan *good governance* terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Hal ini kerana tadbir urus yang baik mampu mewujudkan ekosistem pelaburan yang kondusif.

Pada masa yang sama warga perlu menghayati 8 nilai bersama iaitu kerjasama, empati, telus, efektif, nilai murni, gigih, amanah dan harmoni selari dengan akronim bagi nama agensi kita iaitu KETENGAH sebagaimana dalam Pelan Perancangan Strategik KETENGAH Tahun 2021-2025. Dalam pelan ini juga 16 strategi dan 56 program telah dirancang bagi memandu pembangunan luar bandar secara mampan dan holistik. Perancangan kita juga adalah selari dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030. Adalah menjadi tugas kita semua untuk memastikan segala perancangan yang telah kita gariskan di dalam pelan ini dapat menjadikan KETENGAH sebagai sebuah agensi peneraju yang dinamik dalam memperkasa penduduk luar bandar.

Kuat berdiri sebuah pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya. Marilah kita berganding bahu dengan mendakap erat prinsip berkerja bersama-sama dalam menggalas tanggungjawab ini dengan sebaiknya supaya kita, keluarga, penduduk dan wilayah sentiasa terpelihara. InsyaAllah, ini akan dapat dicapai jika warga bekerjasama dan progresif dalam pelaksanaan apa jua program KETENGAH. Matlamat kita adalah untuk melihat Wilayah KETENGAH lebih bersatu padu, penduduknya yang makmur dan sejahtera, ekonomi yang rancak dan namanya dikenali.

Akhir kata, pada kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada warga yang terlibat dalam menjayakan program agensi. Agensi kita tanggungjawab kita bersama. Saya berdoa ke hadrat Allah SWT, semoga tahun 2022 akan membuka lembaran baharu agar negara terus dipulihkan semula khususnya dari segi kesihatan awam dan sosioekonomi akan lebih baik dari tahun sebelumnya, insyaAllah.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BAHARU 2022

Tengku Ahmad Nadzri bin Tengku Musa
Pengurus Besar
LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH